



13 Julai 2015
13 July 2015
P.U. (A) 157

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (LEBUH RAYA PANTAI TIMUR-FASA 2) 2015

FEDERAL ROADS (EAST COAST EXPRESSWAY-PHASE 2) ORDER 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (LEBUH RAYA PANTAI TIMUR-FASA 2) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Terengganu, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Lebuh Raya Pantai Timur-Fasa 2) 2015**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 14 Julai 2015.

Perisytiharan jalan sebagai jalan Persekutuan

2. (1) Bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuh Raya Pantai Timur-Fasa 2 yang bermula dari kilometer 250.60 di koordinat U 435884.921, T 589311.032 Grid *Rectified Skew Orthomorphic* (RSO) Geosentrik (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 433.98 di koordinat U 590369.182, T 557480.317 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000), termasuklah Persimpangan Bertingkat Cheneh, Persimpangan Bertingkat Cukai, Persimpangan Bertingkat Kijal, Persimpangan Bertingkat Kertih, Persimpangan Bertingkat Paka, Persimpangan Bertingkat Kuala Dungun, Persimpangan Bertingkat Bukit Besi, Persimpangan Bertingkat Ajil, Persimpangan Bertingkat Telemung, Persimpangan Bertingkat Kuala Terengganu dan jalan-jalan sambungannya, iaitu suatu jarak sepanjang 183.38 kilometer diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan.

(2) Jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan di bawah subperenggan (1) ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.

Pembatalan

3. Perintah Jalan Persekutuan (Lebuh Raya Pantai Timur-Fasa 2) 2015 [P. U. (A) 13/2015] dibatalkan.